

Inisiatif KKMM lahir masyarakat berbudaya digital

Putrajaya: Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) sentiasa bermatlamat memacu kecendekiawanan (*intelligence*) dalam usaha melahirkan masyarakat terhubung, berinformasi, kreatif dan berbudaya digital.

Perkembangan global turut dirasai masyarakat negara ini yang mana ekonomi semasa adalah global dan tidak ketara (*intangible*) serta bergantung kepada inovasi idea, maklumat dan perhubungan antara manusia yang berpaksikan kepada jaringan elektronik luas.

Menterinya, Datuk Saifuddin Ahmad, berkata berteraskan kerangka itu, KKMM akan terus memainkan peranan instrumental

dalam penggubalan dasar baharu antaranya MyDIGITAL, ekonomi gig sebagai sektor ekonomi, kesalinghubungan internet sebagai utiliti awam ketiga dan pendidikan Rukun Negara.

Menerusinya, KKMM sudah mengetengahkan dua bentuk komuniti realiti semasa, iaitu komuniti fizikal dan komuniti digital, di samping pada peringkat akhir penyediaan pindaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

"Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang diterajui Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) bertujuan mempertingkatkan kesalinghubungan digital dan kualiti perkhid-

matan komunikasi secara menyeluruh, ia antara lima prestasi utama KKMM sejak setahun lalu.

"Walaupun baru tiga bulan dilaksanakan, pencapaian keseluruhan hingga Disember lalu sangat membanggakan apabila 443,161 premis atau 126 peratus sudah disediakan jalur lebar talian tetap dengan penyambungan gentian optik berbanding sasaran 352,101 premis.

"JENDELA juga berhasil mencapai 101 peratus penaiktarafan liputan 4G dan kelajuan jalur lebar mudah alih di kawasan bandar dengan 16,366 berbanding sasaran 16,214 stesen pemancar. Selain itu, 876 tapak baharu dibina

atau 93 peratus daripada segi pencapaian, berbanding 940 tapak baharu," katanya.

Saifuddin berkata, golongan penggiat industri turut mendapat manfaat langsung menerusi pelaksanaan Pakej Rangsangan Industri Kreatif Malaysia (PRISMA) berjumlah RM89.2 juta bagi menajayakan 32 program yang kini sudah menerima 7,870 permohonan dengan 2,458 sudah diluluskan membabitkan RM2,836,748.

"KKMM juga berusaha meningkatkan inisiatif e-dagang negara, termasuk menerusi ekonomi perkongsian antaranya meningkatkan digitalisasi merentas sektor; Program Realisasi Impian Eko-

nomi Digital (PRIME), Program Perkhidmatan Ekonomi Setempat (PeDAS) dan program eRezeki.

"Seterusnya, pelancaran Pelan Induk Digital ASEAN 2025 (ADM 2025) dan Deklarasi Putrajaya sebagai aspirasi digital serantau yang bermatlamat mengukuhkan kerjasama serantau dalam membangunkan sektor digital ASEAN," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga komited memartabatkan industri nasyid negara iaitu RTM menjadi penyiar rasmi Anugerah Nasyid Malaysia 2020 (ANM 2020) yang memberikan pengiktirafan dan penghormatan tertinggi kepada penggiat nasyid.